



**KENYATAAN MEDIA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**

**PENYALURAN DANA SKIM PEMBIAYAAN KEWANGAN USAHAWAN MIKRO
NEGERI PAHANG (I-PUSH) FASA KE-2**

1. Kerajaan Negeri telah menerima permohonan yang sangat memberangsangkan bagi Skim I-PUSH Fasa Ke-2 yang telah dibuka pada 1 November – 14 Disember 2022. Sebanyak 2,415 permohonan diterima dan telah melalui pelbagai proses tapisan sebelum diluluskan.
2. Sebanyak 1,553 orang pemohon telah berjaya melepasi kesemua tapisan ini termasuk tapisan bawah *Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001* (Akta 613) dan surat kelulusan telah dikeluarkan pada 2 Mei 2023.
3. Seramai 515 orang pemohon yang berjaya telah selesai menandatangani perjanjian dengan pihak Bank Muamalat selaku agensi yang akan menyalurkan skim pembiayaan ini.
4. Kerajaan Negeri memberi jaminan bahawa penyaluran dana Skim I-PUSH Fasa Ke-2 akan dikreditkan mulai 19 Jun 2023 (Isnin) kepada penerima-penerima yang telah selesai menandatangani perjanjian pembiayaan dan menyeru kepada semua pemohon yang berjaya untuk menandatangani perjanjian dengan kadar yang segera.
5. Pemohon Skim I-PUSH boleh merujuk portal rasmi <https://smu.pahang.gov.my> bagi mendapatkan maklumat lanjut.
6. Kerajaan Negeri Pahang akan terus komited membantu usahawan-usahawan bagi menjamin kesejahteraan Rakyat Pahang.

Sekian, terima kasih.

**SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG
17 JUN 2023**